

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**
[LANANG]

SOALAN NO. 84

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status projek perumahan seperti PR1MA, PPA1M, PPR, MyHome dan sebagainya di Sibu dan Sarawak serta apakah rancangan Kementerian bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk memastikan janji pembinaan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun dapat direalisasikan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek Perumahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Negeri Sarawak

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Februari 2019, 1 projek (340 unit) Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) telah siap dibina di Muara Tuang, Kuching. Manakala 5 projek yang lain (berjumlah 1,113 unit) sedang dalam pembinaan iaitu di Muara Tebas, Kuching (192 unit), Kota Samarahan (300 unit), Matang (198 unit), Miri (204 unit) dan di Sibu (219 unit).

NO SOALAN : 84

2. Bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Sarawak, sehingga Februari 2019 sebanyak 8 projek (4,110 unit) telah siap dibina, manakala 3 projek (832 unit) PPR sedang dalam pembinaan iaitu Tabuan Melayu, Jalan Landeh dan Petrajaya, Kuching. Manakala 2 projek (961 unit) PPR masih dalam peringkat perancangan iaitu di Matang, Kuching dan Seduan Sibu yang dijangkakan akan dilaksanakan dalam tahun 2019.

3. Bagi Skim Perumahan Mampu Milik Swasta, KPKT belum menerima sebarang penyertaan daripada pemaju-pemaju sektor swasta di Negeri Sarawak untuk membina rumah mampu milik di bawah program ini. Kementerian amat mengalu-alukan penyertaan pemaju-pemaju di Negeri Sarawak yang berminat untuk menyertai Skim Perumahan Mampu Milik Swasta ini.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pengarah PR1MA telah meluluskan sebanyak 268,076 unit kediaman PR1MA (254 projek) di bawah fasa pertama pembangunan PR1MA. Berdasarkan jumlah keseluruhan yang telah diluluskan, pada masa ini PR1MA sedang menumpukan projek-projek yang telah ditandatangani perjanjian dengan pihak pemaju iaitu sebanyak 94,639 unit (94 projek).

5. Bagi fasa pertama pembangunan PR1MA tersebut, sebanyak 5,036 unit (4 projek) kediaman adalah terletak di Negeri Sarawak. Sehingga kini 1 projek di Matang, Parlimen Petra Jaya telah disiapkan (1,360 unit), manakala 2 projek sedang dalam pembinaan iaitu di Semenggoh, Parlimen Mambong (1,260 unit) dan Bintawa Waterfront, Parlimen Bandar Kuching (1,320 unit). 1 projek dalam perancangan iaitu di Sibu melibatkan 1096 unit rumah.

NO SOALAN : 84

Lokasi	Parlimen	No. Unit	Status
Matang	Petra Jaya	1,360	Siap Dibina
Semenggoh	Mambong	1,260	Dalam Pembinaan
Bintawa Waterfront	Bandar Kuching	1,320	Dalam Pembinaan
Sibu	Sibu	1,096	Dalam Perancangan

6. Bagi memastikan janji pembinaan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun dapat direalisasikan, Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan:
- i. Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
 - ii. Pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*).
7. Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 juga telah membincangkan isu berhubung pelaksanaan 1 Juta RMM serta pemantauannya.
8. Selain itu, pelaksanaan program-program perumahan oleh KPKT akan diteruskan antaranya:
- i. Projek Perumahan Rakyat PPR (PPR Disewa dan PPR Dimiliki);
 - ii. Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RtO);
 - iii. Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
 - iv. Rumah Transit Belia; dan
 - v. Skim Perumahan Mampu Milik Swasta. Sekian, terima kasih.